

Bahas Sebagai Wahana Meningkatkan Kemahiran Lisan Pelajar

Nur Amalina Shalan

nuramalina.shalan@commonwealthsec.moe.edu.sg

Jasmiyanti Marhajas

jasmiyanti.marhajas@commonwealthsec.moe.edu.sg

Sekolah Menengah Commonwealth

Abstrak

Berdasarkan pemantauan guru, para pelajar didapati kurang yakin bertutur dalam bahasa Melayu ketika membincangkan tentang isu-isu sosial. Hal ini menjejaskan prestasi mereka dalam peperiksaan lisan, khususnya dalam bahagian perbualan. Maka itu, para pelajar perlukan peluang berkomunikasi dan berbincang tentang isu-isu sosial dalam suasana yang autentik dan seronok agar dapat meningkatkan keyakinan mereka menyampaikan dan mempertahankan idea. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana kemahiran berbahasa dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam membentangkan dan mempertahankan hujah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, dengan mengambil kira respons pelajar, penilaian sendiri pelajar dan guru. Kemahiran berbahasa pelajar dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran berbahasa dalam suasana pembelajaran yang autentik dan seronok.

Kata Kunci: bahas, keseronokan dalam belajar, kemahiran bertutur, isu-isu sosial, mempertahankan hujah



PENGENALAN

Kemahiran bertutur merupakan antara kemahiran teras berbahasa yang perlu diterapkan dan dilengkapkan dalam diri pelajar di peringkat sekolah menengah. Sejalan dengan hasil pendidikan yang diinginkan, para pelajar perlu mempunyai daya berfikir secara sendiri dan kritis serta berkomunikasi dengan yakin dan berkesan. Para pelajar seharusnya berkebolehan untuk berinteraksi tentang hal-hal masyarakat dan negara di peringkat Menengah 2. Di peringkat Menengah 4 pula, para pelajar seharusnya dapat berkomunikasi tentang hal-hal serantau dan dunia dengan bertatasusila (MOE, 2011). Hal ini bermaksud, para pelajar seharusnya mempunyai kefasihan dan keyakinan untuk mengungkapkan isu-isu sosial dalam pelbagai konteks harian.

Namun, kini, semakin ramai keluarga yang bertutur dalam bahasa Inggeris dengan lebih kerap berbanding bahasa Ibunda di rumah. Hal ini menjejaskan keyakinan para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Ibunda (MOE, 2018). Meskipun para pelajar mempunyai pengetahuan am yang luas tentang hal ehwal semasa, mereka kurang keyakinan untuk menyampaikan isi-isi yang bernas ketika bertutur dalam bahasa Melayu.

Oleh yang demikian, suatu pendekatan pembelajaran untuk membangkitkan keyakinan para pelajar berkomunikasi secara berkesan tentang isu-isu kemasyarakatan perlu dilaksanakan. Aktiviti perbincangan merupakan kaedah pengajaran yang menggabungkan pelbagai aspek pengajaran yang menyokong pembelajaran secara sendiri. Bahas dapat mewujudkan pembelajaran secara kolaboratif melalui penyelidikan fakta bersama ahli kumpulan dan mewujudkan interaksi serta membina kepercayaan untuk bertukar-tukar hujah sesama rakan sekelas. Kemahiran-kemahiran ini mampu memperkasakan pengalaman pembelajaran pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Secara keseluruhan, para pelajar di Sekolah Menengah Commonwealth mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam tentang isu-isu semasa. Mereka mampu membincangkan isu-isu semasa dalam konteks yang



santai. Namun, cabaran timbul apabila mereka cuba bertutur secara formal untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan lisan. Hal ini disebabkan tuntutan ujian lisan yang memerlukan mereka menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang sesuai dan pelbagai. Selain itu, para pelajar sering berfikir tentang isi-isi dalam bahasa Inggeris sebelum menterjemahkan idea-idea ke dalam bahasa Melayu. Proses berfikir yang bertahap-tahap ini membimbangkan kerana mereka perlu mencari kosa kata dalam bahasa Melayu dengan tepat dan segera. Proses ini sering membuat mereka mudah berputus asa dan membuat kesimpulan bahawa penguasaan bahasa Melayu mereka tidak baik. Walhal, prestasi mereka dalam penulisan agak memberangsangkan.

Oleh yang demikian, suatu pendekatan pengajaran dijalankan untuk membangkitkan keyakinan pelajar untuk berinteraksi. Pelajar dapat bertutur dalam bahasa Melayu dalam konteks formal dengan baik. Dengan wujudnya keyakinan untuk mengujarkan idea-idea dengan bernas dalam bahasa Melayu, para pelajar akan lebih berkeyakinan dan positif untuk berjaya dalam komponen lisan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam membentangkan dan mempertahankan hujah semasa berbahas;
2. memupuk kemahiran berkomunikasi pelajar melalui interaksi lisan dalam konteks yang berbeza; dan
3. menyemai cinta dan keseronokan dalam pembelajaran bahasa Melayu.

KAJIAN LEPAS

M. Mojibur Rahman (2010) berpendapat, kemahiran bertutur merupakan satu proses pengalihan fakta, pendapat, perasaan dan juga nilai. Ini berlaku antara dua atau lebih orang yang melibatkan pendengaran aktif dengan kontak mata dan tatatertib semasa bertutur. Bagi tujuan pengajaran kemahiran bertutur,



beliau berpegang pada pendekatan latih tubi yang amat sesuai bagi mengasah penguasaan berbahasa dan mencapai pertuturan yang berkesan.

Semasa berinteraksi di bilik darjah, guru mengharapkan pelajar memberikan respons yang berkualiti. Walau bagaimanapun, kadang kala, pelajar memerlukan perancah atau sokongan untuk melakukan yang sedemikian. Menurut Archer dan Hughes (2011), lebih baik jika guru dapat menyediakan pelajar dengan permulaan ayat untuk menjawab, atau '*sentence stems/sentence starters*', yang membolehkan pelajar memulakan respons mereka dengan lebih cepat, menggunakan ayat penuh untuk menyatakan jawapan, dan mendorong mereka untuk kekal aktif dalam topik perbincangan. Mereka menjelaskan bahawa strategi ini membantu pelajar dalam proses pemerolehan pengetahuan (*cognitive retrieval*) dan merumuskan jawapan.

M. Mojibur Rahman (2010) dan Archer dan Hughes (2011) bersependapat, perlunya para pelajar diberi pendedahan kepada pelbagai jenis aktiviti berkomunikasi yang autentik untuk mengasah kemahiran bertutur mereka. Namun, guru perlu memastikan adanya perancah yang sistematik yang memandu pelajar agar mencapai objektif pelajaran yang diingini.

Cinganotto (2019) telah menjalankan satu kajian tentang pelaksanaan aktiviti perbincangan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di sebuah sekolah di Itali. Kajian beliau memaparkan kepentingan dan kesan positif bahas sebagai alat mengajar kemahiran berkomunikasi dalam subjek bahasa. Antara manfaat bahas yang dicungkil daripada kajian beliau dalam pembelajaran bahasa adalah:

- memupuk semangat kerjasama dan nilai-nilai kecekapan abad ke-21
- membantu pelajar lebih memahami dan menghormati pendapat orang lain
- menjana keseronokan dalam proses pembelajaran
- meningkatkan keyakinan pelajar dalam pertuturan
- memberi ruang kepada pelajar menggunakan kemahiran berbahasa mengikut sesuatu konteks
- menggunakan kosa kata yang pelbagai dan tepat



- nahu: laras, ketepatan penggunaan rumus-rumus bahasa dan susunan serta kejelasan idea
- aspek-aspek prosodik: sebutan, penekanan dan intonasi
- koherens pertuturan dan rujukan kepada argumen: kebolehan mendengar kepada hujah pihak lawan dan cara memberi respons yang sewajarnya

Krieger (2005) pula menjelaskan bahawa terdapat pelbagai cara pelaksanaan bahas di dalam bilik darjah. Antaranya ialah aktiviti-aktiviti pertukaran idea dalam kumpulan. Namun, beliau menyarankan satu kerangka bertahap-tahap dari peringkat pendedahan tentang format bahas ke proses mengkaji isi dan akhirnya pertandingan di dalam bilik darjah. Dengan mengambil kira manfaat dan kepentingan penggunaan bahas sebagai satu kaedah pengajaran yang boleh meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi secara efektif, kajian ini menggunakan kerangka yang disarankan Krieger (2005) dengan sedikit penyesuaian untuk memenuhi objektif pengajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana dapatan kajian diambil berdasarkan renungan dan penilaian sendiri pelajar dan guru.

Subjek Kajian

Subjek kajian ialah 22 orang pelajar Menengah 2 aliran Ekspres yang mempunyai tahap kebolehan yang pelbagai. Para pelajar dibahagikan kepada enam buah kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada para pelajar praaras kebolehan, pada aras kebolehan dan melebihi aras kebolehan. Terdapat dua buah kumpulan terdiri daripada tiga orang pelajar manakala empat buah kumpulan yang lain terdiri daripada empat orang pelajar.

Instrumen Kajian

Setiap pelajar di Sekolah Menengah Commonwealth memiliki alat pembelajaran peribadi (*Personal Learning Device*) dan alamat e-mel Sekolah Menengah Commonwealth masing-masing yang berteraskan *Gmail*.



Kajian ini pada umumnya menggunakan perisian *G Suite*, khususnya *Google Classroom*, *Google Docs* dan *Google Forms*. Para pelajar sudah mahir dengan penggunaan perisian *G Suite*. Oleh itu, *G Suite* digunakan untuk memenuhi tujuan-tujuan PdP yang tertentu bagi kajian ini. Sila lihat Jadual 1, penggunaan alat bantu PdP dan tujuannya.

Jadual 1: Penggunaan Alat Bantu Dan Tujuannya

Alat bantu PdP	Tujuan Penggunaan
<i>Google Classroom</i>	Segala arahan, templat skrip, nota dan bahan rujukan dimuat naik ke dalam <i>Google Classroom</i> 'Kelas Bahasa Melayu Menengah 2 Ekspres'. Wadah <i>Google Classroom</i> ini mudah digunakan. Para pelajar juga dapat memuat turun bahan rujukan dan dokumen yang diperlukan bila-bila masa dan di mana sahaja.
<i>Google Docs</i>	Guru telah menyediakan templat skrip bahas bagi setiap ahli kumpulan dengan menggunakan <i>Google Docs</i> . Para pelajar hanya perlu salin templat yang telah disediakan dan menaip kandungan isi dan hasil perbincangan kumpulan masing-masing dalam dokumen <i>Google Docs</i> yang telah disalin. <i>Google Docs</i> ini menjadi wadah kolaboratif para pelajar untuk berbincang tentang isi-isi bagi mempertahankan pandangan mereka.
<i>Google Forms</i>	<p>Guru menggunakan wadah <i>Google Forms</i> untuk para pelajar mengisikan borang penilaian ringkas sebelum, semasa dan selepas bahas dijalankan.</p> <p>Sebelum aktiviti perbahasan - Pelajar diminta untuk menilai tahap keyakinan mereka berbahas serta menyatakan beberapa keprihatinan mereka tentang bahas.</p> <p>Semasa aktiviti perbahasan - Para pelajar diminta untuk mengundi pembahas terbaik serta pasukan yang memenangi bagi setiap pusingan. Selain itu, pelajar perlu menyatakan sebab-sebab bagi pemilihan mereka.</p> <p>Selepas aktiviti perbahasan – Para pelajar menilai tahap keseronokan bahas dan keyakinan mereka dalam interaksi lisan.</p>
Rubrik Penilaian Individu	Setiap pelajar perlu menilai prestasi rakan-rakan mereka yang berbahas berdasarkan rubrik penilaian yang guru telah sediakan. Para pelajar juga faham tentang ekspektasi dan rubrik penilaian bagi bahas pada awal pelajaran.

<p>Lelaman pemilihan giliran secara rawak: https://www.classtools.net/random-name-picker/</p>	<p>Digunakan untuk menentukan mauduk dan peranan pasukan. Selain itu, guru tidak memberitahu pasukan mana yang akan mula berbahas dahulu. Giliran pertandingan diumumkan 5 minit sebelum pasukan berbahas. Ini untuk memastikan setiap pelajar sudah bersedia untuk berbahas pada bila-bila masa sahaja.</p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Prosedur Kajian

Berikut merupakan maklumat ringkas penerapan elemen STP bagi pelaksanaan pelajaran.

1. Tayangan video pertandingan Bahas 4PM 2019 peringkat sekolah menengah (peringkat akhir) – Perbahasan antara Sekolah Menengah Anderson dan Sekolah Menengah Commonwealth.

Sebagai permulaan, guru menggunakan video rakaman pertandingan Bahas 4PM 2019 peringkat sekolah menengah untuk ditayangkan kepada para pelajar. Video yang memaparkan kejayaan Sekolah Menengah Commonwealth menjulang piala juara dalam pertandingan ini merupakan satu pengalaman autentik untuk merangsang semangat, keyakinan dan kesungguhan pelajar untuk memberi yang terbaik bagi pertandingan bahas yang akan dijalankan dalam kelas. Memandangkan para pembahas dalam video itu merupakan para pelajar yang dikenali, mereka berasa lebih positif dan yakin bahawa mereka juga boleh berbahas dengan baik seperti mereka.

Elemen STP:

- Budaya positif di bilik darjah
 - **(AP4) Membina kepercayaan** bahawa para pelajar boleh berbahas dan berinteraksi tentang sesuatu topik dengan yakin dan bernas
- Pelaksanaan Pelajaran
 - **(AP14) Merangsang minat** untuk berbahas di dalam kelas



2. Penjelasan tentang format dan elemen pertandingan bahas – berdasarkan format pertandingan Bahas 4PM

Guru menggunakan Slaid *Google* untuk menerangkan format dan elemen pertandingan bahas. Memandangkan pertandingan bahas yang dianjurkan secara tahunan oleh 4PM merupakan pertandingan yang berprestij di peringkat nasional, guru menggunakan format pertandingan Bahas 4PM sebagai sandaran. Antara perkara yang diterangkan ialah istilah ‘celahan’, ‘bidasan’, ‘pusingan hujahan berapi’, ‘penggulungan’ serta peranan-peranan setiap pembahas. Guru turut memainkan beberapa tayangan video rakaman pertandingan bahas yang lalu bagi mengukuhkan pemahaman pelajar tentang istilah-istilah, urutan pusingan dan peranan-peranan pembahas ini. Kemudian, guru memberi pautan *Google Forms* bagi pelajar menilai tahap kesediaan dan keyakinan serta harapan mereka untuk berbahas.

Elemen STP:

- Pelaksanaan pelajaran
 - **(AP17) Memberikan penerangan yang jelas** tentang pertandingan bahas di peringkat nasional agar para pelajar lebih jelas tentang menetapkan jangkaan pertandingan di dalam kelas. Selain itu, penerangan ini memberi pelajar pendedahan tentang cara berbahas agar pelajar lebih yakin untuk berbahas.

3. Penjelasan tentang pertandingan bahas dalam kelas

Guru menjelaskan tentang pertandingan bahas yang akan dijalankan di dalam bilik darjah kepada para pelajar.

Berbeza daripada pertandingan bahas di peringkat nasional, guru menyesuaikan tuntutan pertandingan dalam kelas ini disebabkan faktor masa dan untuk memastikan setiap pelajar dalam kelas diberi peluang untuk berbahas. Setiap pelajar dikehendaki untuk membentangkan satu isi yang lengkap dan membidas sekurang-

kurangnya satu hujah pihak lawan. Guru juga menekankan tentang struktur perenggan isi yang lengkap dengan mengaitkan kepada pelajaran yang lalu tentang penulisan karangan ekspositori. Penulisan isi yang lengkap perlu terdiri daripada unsur Isi (menyatakan isi), Huraian (menghuraikan isi), Contoh (menjelaskan isi dengan memberi contoh yang kukuh) dan Akibat/Manfaat (menyatakan akibat, manfaat atau kesan isi kepada pendirian pasukan) (ICHA/M).

Guru juga memperkenalkan beberapa gaya serta laras bahasa yang sesuai digunakan untuk memperkaya pembentangan hujah mereka semasa berbahas seperti penggunaan pantun, kesantunan dalam berhujah dan mencelah, penggunaan unsur bidalan atau peribahasa dan penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai dengan konteks berbahas. Pendedahan aspek bahasa ini bukan sahaja memberi pengenalan kepada para pelajar tentang perbahasan dalam bahasa Melayu, tetapi memperkaya pengalaman berbahasa mereka dalam pelbagai konteks.

Selain itu, guru telah menjelaskan rubrik penilaian individu dan secara pasukan kepada para pelajar. Dengan cara ini, para pelajar lebih jelas tentang jangkaan guru. Meskipun pertandingan ini tidak menyumbang kepada markah peperiksaan sumatif mereka, rubrik penilaian yang dijelaskan guru ini memandu pelajar untuk bersikap berdisiplin dan mengambil serius tentang aktiviti ini.

Elemen STP:

- Budaya positif di bilik darjah
 - **(AP3) Menetapkan jangkaan dan rutin** dengan menekankan perkara-perkara yang perlu dan tidak boleh dilakukan sepanjang persediaan isi dan pertandingan bahas. Para pelajar diingatkan berkali-kali bahawa setiap pelajar memainkan peranan yang penting dalam pertandingan ini kerana kejayaan pasukan terletak pada pundak masing-masing.
- Penyediaan Pelajaran
 - **(AP6) Menentukan objektif pelajaran** dengan menekankan



kepada para pelajar bahawa meskipun pertandingan bahas ini tidak menyumbang kepada markah peperiksaan akhir tahun, pengalaman yang mereka raih daripada proses pertandingan ini amat berharga kerana mereka dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir dan penulisan isi dalam bentuk karangan ekspositori dalam skrip masing-masing. Selain itu, kemahiran bertutur dapat dipupuk melalui penyampaian hujah secara yakin, bernas dan lantang. Aspek kemahiran bertutur yang diraih ini amat diperlukan sebagai persediaan untuk peperiksaan lisan mereka.

4. Pembahagian kumpulan dan mauduk

Terdapat tiga mauduk yang dibahaskan. Setiap mauduk akan dibahaskan oleh dua buah kumpulan yang terdiri daripada pasukan pencadang dan penyanggah. Setiap mauduk telah ditetapkan oleh guru berdasarkan profil dan minat pelajar. Mauduk-mauduk dipilih dengan teliti agar tidak terlalu condong menyebelahi sesuatu pihak. Untuk bersikap adil kepada semua pelajar, guru telah menggunakan alat bantu laluan *Class Tools* untuk memadamkan mauduk dan giliran pasukan pembahas secara rawak. Jadual 2 merupakan jadual senarai mauduk dan pasukan pembahas.

Jadual 2: Senarai Mauduk Dan Pasukan Pembahas

Mauduk	Pembahas (Jumlah pelajar: 22)
Pendidikan di politeknik lebih baik daripada maktab rendah.	Pencadang: 3 Penyanggah: 3
Muzik Melayu kurang bermanfaat bagi pembangunan remaja.	Pencadang: 4 Penyanggah: 4
Pembelajaran dari rumah (HBL) harus diadakan dengan lebih kerap.	Pencadang: 4 Penyanggah: 4

Pembahagian giliran pembahas dan penggulung pasukan diserahkan kepada pasukan-pasukan masing-masing. Dengan cara ini, para pelajar diberi kuasa autonomi untuk merancang strategi kumpulan masing-masing untuk memenangi pertandingan bahas ini.

Elemen STP:

- Penyediaan pelajaran
 - **(AP7) Mengambil kira profil pelajar** dengan memastikan mauduk-mauduk yang diberikan sesuai dengan minat dan pengalaman pelajar. Selain itu, guru memastikan setiap pasukan terdiri daripada para pelajar yang berkemahiran pelbagai agar pelajar dapat saling belajar daripada satu sama lain.

- Pelaksanaan pelajaran
 - **(AP16) Menggunakan fleksibiliti** dengan memberi pelajar autonomi untuk merancang strategi pasukan masing-masing. Pelajar diberi kebebasan untuk menetapkan giliran pembahas dalam pasukan masing-masing serta penggulung pasukan.

5. Kajian berkolaboratif dan penulisan skrip

Para pelajar diberi 2 waktu (2 jam) untuk membuat persiapan. Pelajar berbincang di dalam bilik darjah dan menaip skrip masing-masing dalam salinan templat *Google Docs* yang telah disediakan. Guru memainkan peranan yang penting untuk memantau pemahaman dan kemajuan pelajar. Guru bertindak sebagai fasilitator dan pengawal masa untuk memastikan setiap pasukan fokus dalam tugas yang diberikan.

Memandangkan para pelajar perlu menggunakan kemahiran membaca dan berfikir untuk mencari dan menyaring maklumat daripada internet, guru juga perlu memantau kesejahteraan siber pelajar dengan mengingatkan mereka tentang cara-cara penggunaan internet yang betul dan berhemah.



Elemen STP:

- Budaya positif di bilik darjah
 - **(AP1) Mewujudkan interaksi dan hubungan rapat** dengan memastikan setiap anggota pasukan membuat kajian dan berbincang secara aktif dalam kumpulan masing-masing.
 - **(AP5) Memperkasakan pelajar** dengan menggalakkan mereka berfikir secara kritis dan kreatif semasa mengupas mauduk agar dapat menyebelahi pendirian pasukan masing-masing. Selain itu, para pelajar diberi autonomi untuk merancang strategi yang terbaik untuk pasukan masing-masing.
- Penilaian dan Maklum Balas
 - **(AP22) Memantau pemahaman dan memberikan maklum balas** dengan memastikan setiap pelajar jelas tentang tuntutan tugas yang diberi. Pemantauan aktif dan pemberian maklum balas berlangsung secara berterusan secara verbal.
 - **(AP23) Menyokong pembelajaran secara sendiri** dengan memberi sokongan moral dan kata-kata perangsang kepada setiap pandangan dan kemajuan pelajar.

6. Pertandingan

Memandangkan tiada pertandingan bahas antara kelas yang dijalankan pada tahun ini disebabkan pandemik COVID-19, guru mengadakan pertandingan bahas di dalam bilik darjah.

Setiap pertandingan mengambil masa selama 50 minit (1 waktu pelajaran bahasa Melayu). Pembahas kedua dan ketiga setiap pasukan diberi masa selama 3 minit untuk menyampaikan hujah mereka manakala pembahas pertama diberi masa selama 4 minit dan penggulung pasukan diberi masa selama 2 minit. Oleh itu, guru mengambil masa selama 3 waktu pelajaran untuk menjalankan

setiap pertandingan bahas. Giliran pasangan pasukan yang berbahas hanya diumumkan lima minit sebelum pertandingan dengan menggunakan alat bantu lelamen *Class Tools*. Dengan cara ini, para pelajar sudah bersiap sedia beberapa hari lebih awal.

Semasa pasangan pasukan sedang berbahas, para pelajar yang lain perlu terlibat secara aktif dengan menilai prestasi individu berdasarkan rubrik penilaian yang telah guru berikan. Rubrik penilaian ini bukan sahaja sebagai alat mengawal disiplin pelajar untuk mengisi ruang masa para pelajar yang tidak terlibat dalam berbahas, tetapi untuk menggalakkan para pelajar terbiasa dengan tuntutan berbahas dan komunikasi yang berkesan. Selain itu, pelibatan aktif pelajar mendengar dan menilai rakan-rakan memupuk nilai hormat-menghormati pandangan satu sama lain.

Sepanjang pertandingan dijalankan, para pelajar (sama ada yang sedang berbahas atau tidak) digalakkan untuk mencelah hujah pembahas yang sedang berhujah. Pembahas yang menerima celahan perlu menjawab celahan yang diberi dengan pantas dan yakin.

Semasa pertandingan dijalankan, guru melantik dua orang pelajar untuk merakamkan dan memetik gambar rakan-rakan yang sedang berbahas. Seorang pelajar lagi diberi tanggungjawab untuk menjadi pengawal masa. Tugasan ini memberi peluang kepada para pelajar untuk merasakan suasana pertandingan bahas yang autentik dan memperkasa pelajar.

Pada akhir setiap pusingan pertandingan, setiap pelajar perlu mengisi borang *Google Forms* untuk mengundi pasukan pemenang dan pembahas terbaik bagi pusingan itu. Pelajar juga perlu nyatakan sebab bagi pilihan mereka untuk menjustifikasikan pemilihan yang dibuat.



Elemen STP:

- Budaya positif di bilik darjah
 - **(AP1) Mewujudkan interaksi dan hubungan rapat sesama pelajar dan guru.** Suasana berbahas menggalakkan para pelajar rancak bertukar-tukar idea melalui celahan dan bidasan. Para pelajar berasa selamat dan berkeyakinan untuk mengutarakan pendapat mereka dengan tujuan bertukar-tukar idea berdasarkan mauduk tanpa berasa segan mahupun gusar.

- Pelaksanaan pelajaran
 - **(AP20) Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran** dapat dilaksanakan dengan adanya unsur celahan yang diajukan kepada pembahas. Para pembahas yang dicelah terpaksa berfikir secara spontan dan yakin untuk mempertahankan hujahnya.

 - **(AM1) Rangkaian IRF (Mulakan-Respons-Maklum Balas).** Soalan-soalan berbentuk celahan yang diutarakan kepada pelajar adalah untuk pelajar mendapatkan dan merancah pemikiran masing-masing dan melihat sejauh mana dalamnya pengetahuan sedia ada mereka. Dengan pelajar memberikan jawapan-jawapan, sekurang-kurangnya guru dan pelajar dapat menilai jawapan masing-masing. Seandainya jawapan pelajar itu kurang mendalam, maka guru dan teman-teman yang lain digalakkan memberikan komen kepada pelajar itu secara lisan. Dengan cara ini, ia menggalakkan pelajar untuk menghuraikan jawapan dan idea mereka.

 - **(AP15) Menggalakkan pelibatan pelajar** dengan memastikan para pelajar yang tidak berbahas dalam sesuatu pusingan menjadi pendengar aktif dengan menilai prestasi rakan-rakan mereka berdasarkan rubrik yang diberikan. Selain itu, pelajar ini digalakkan untuk mencelah hujah para pembahas. Pelantikan peranan tambahan seperti perakam

video dan gambar serta pengawal masa juga membuat para pelajar berasa dihargai.

7. Keputusan, pembahagian hadiah dan rumusan

Berdasarkan rubrik penilaian yang telah guru berikan kepada pelajar, guru mengumumkan pemenang pasukan dan pembahas terbaik bagi setiap pusingan pertandingan. Selain itu, guru memberi sijil penyertaan kepada setiap pelajar sebagai bukti dan rangsangan kepada mereka kerana telah menjalani satu proses pembelajaran yang mencabar bagi diri mereka. Guru juga memberi 3 anugerah penghargaan kepada 3 orang pelajar yang menonjolkan ciri-ciri seorang penyumbang aktif yang wajar diteladani, iaitu ‘pembahas telinga tikus’ (pelajar yang tajam akal dan cepat menangkap isi untuk mencelah dan membidas pembahas yang sedang berhujah), ‘pembahas onz-tak-onz’ (pelajar yang mengambil inisiatif untuk membuat video daripada rakaman para pelajar berbahas) dan ‘pembahas cili padi’ (pelajar yang sangat berkobar-kobar dan bersungguh-sungguh dalam penyampaian hujah dan mempertahankan pendirian pasukan).

Setelah itu, guru membuat rumusan ringkas untuk menutup pelajaran ini dengan pelajar dan meminta pelajar membuat penilaian ringkas tentang pengalaman pertandingan bahas dan tahap keyakinan mereka dalam berkomunikasi dalam bahasa Melayu melalui *Google Forms*.

Elemen STP:

- Pelaksanaan pelajaran
 - **(AP21) Menutup pelajaran** dengan mengiktiraf usaha dan kesungguhan para pelajar. Selain itu, guru juga mengaitkan kembali aktiviti bahas ini dengan objektif pengajaran yang ingin dicapai.



- Penilaian dan maklum balas
 - **(AP24) Menyediakan tugasan yang bermakna** dengan mengaitkan kembali hasil dan proses pertandingan bahas yang dilalui dengan objektif pengajaran.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah menjalankan kajian ini, guru dapati:

Pelajar mampu mengatasi kegerunan berbahas dalam bahasa Melayu - Pertandingan bahas yang dijalankan di dalam bilik darjah tentunya tidak menjadikan para pelajar penutur bahasa Melayu yang fasih secara serta-merta. Namun, pengalaman yang diraih sepanjang proses kajian dan pertandingan ini memberi ruang kepada pelajar menerokai konteks fungsional berbahasa dalam medan pertukaran idea yang sering digeruni seperti bahas. Dengan pelaksanaan pertandingan bahas yang bertahap-tahap dan terpandu ini, para pelajar dapat mengatasi keprihatinan awal mereka untuk berbahas dalam bahasa Melayu.

Memberi autonomi kepada pelajar dapat memperkasa pembelajaran pelajar. Para pelajar menengah 2 Ekspres ini rata-ratanya agak pendiam di dalam bilik darjah dan kurang aktif bertanya di dalam kelas. Namun, disebabkan adanya momentum dan suasana pembelajaran yang aktif melalui perbincangan dan kuasa penilaian rakan diberikan, para pelajar rancak mencelah para pembahas dengan soalan-soalan yang bernas. Selain itu, seorang pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah semakin kerap ke sekolah kerana berasa seronok dan bersungguh-sungguh ingin melakukan yang terbaik sebagai seorang pembahas. Malah, pelajar itu juga sering memuat naik proses kajian dan persediaannya sendiri dalam berbahas dalam laman Instagramnya. Kami melihat tindakan dan perubahan pelajar ini amat memberangsangkan dan bukti bahas satu kaedah pembelajaran yang menyeronokkan pelajar.

Penerapan ICT memberi ruang berkolaboratif yang berkesan dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran - Penularan pandemik COVID-19 membuktikan bahawa penerapan ICT di dalam bilik darjah tidak dapat dielakkan.



Dengan adanya wadah PLD, setiap pelajar mudah mengkaji maklumat dan berbincang secara berkumpulan dengan memastikan adanya jarak selamat dalam bilik darjah. Selain itu, penggunaan alat bantu seperti *G Suite* yang mesra pengguna dan pendidikan membolehkan guru menyampaikan maklumat dan arahan serta memuatnaikkan bahan-bahan rujukan dan templat untuk pelajar gunakan bila-bila masa sahaja. Selain itu, *Google forms* membolehkan guru mendapatkan tinjauan dan respons pelajar dengan segera.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, aktiviti perbincangan merupakan satu kaedah pengajaran yang memberi pengalaman pembelajaran yang autentik kepada para pelajar. Aktiviti perbincangan mampu menyediakan suasana pembelajaran yang seronok dan merangsang minat pelajar untuk bertukar-tukar idea dalam laras yang formal tentang isu-isu sosial. Secara tidak langsung, bahas juga mampu meningkatkan keyakinan pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu apabila pelajar diberi ruang dan peluang untuk mengkaji dan menyampaikan hujah mereka.

Kaedah pengajaran bahas perlulah berstruktur dan disusun sesuai dengan matlamat pengajaran yang ingin dicapai guru. Penggunaan ICT perlu dimanfaatkan, khususnya dalam bahagian mencari maklumat dan perbincangan secara berkolaboratif dalam kalangan pelajar. Dengan perancangan dan penerapan alat-alat bantu yang betul, bahas sebenarnya menghimpunkan banyak elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang bertujuan untuk mencapai hasil pendidikan yang diinginkan.

RUJUKAN

- Archer, A.L. & Hughes, C.A. (2011). *Explicit instruction: Effective and Efficient Teaching*. The Guildford Press: New York.
- Cinganotto, Letizia. (2019). Debate as a teaching strategy for language learning. *Lingue e Linguaggi*, 30, 107-125. <https://doi.org/10.1285/i22390359v30p107>



- Krieger, Daniel. (2005). Teaching debate to ESL students: A six-class unit. *The Internet TESL Journal*, XI (2). <http://iteslj.org/Techniques/Krieger-Debate.html>
- M. Mojibur Rahman (2010). Teaching oral communication skills: A task based approach. *ESP World*, Issue 1 (27), Volume 9, <http://www.esp-world.info>
- Ministry of Education. (2018, April 30). *Nurturing children to be confident bilinguals*. SCHOOLBAG: The education news site. <https://www.schoolbag.edu.sg/story/nurturing-your-child-to-be-confident-bilinguals>
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura. Singapura*: Oxford Graphic Pte Ltd.